

NO. SOALAN: 316

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

RUJUKAN : 7296

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan penagih dadah yang telah ditangkap, dihukum dan dibebaskan mengikut jenis dadah termasuk gam dan daun ketum, jantina, umur, agama, jenis hukuman mengikut kawasan Parlimen bagi tahun 2009 hingga 2014.

JAWAPAN:

Penyalahgunaan dadah merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudaratan yang besar dan boleh menghancurkan keharmonian negara dan institusi kekeluargaan itu sendiri. Penyalahgunaan dadah berkait rapat dengan aktiviti jenayah seperti *gangsterisme*, kongsi gelap dan kesalahan jenayah yang lain. Penglibatan dalam pengambilan dadah juga boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar pengangguran dalam negara kerana mereka yang terlibat dengan dadah tidak lagi mempunyai daya saing untuk bekerja dengan tekun dan sukar untuk diterima bekerja oleh majikan.

Statistik bilangan penagih dadah yang ditangkap, yang dihukum dan yang diberi pengawasan dan yang dibebaskan dari pusat pemulihan bagi tahun 2011 sehingga 2014 (Ogos) seperti berikut:-

TAHUN		2011	2012	2013	2014 (JAN - OGOS)	JUMLAH
TANGKAPAN		54,883	54,207	45,002	28,119	182,211
KERTAS SIASATAN DIBUKA		41,319	46,662	41,019	26,817	155,817
KERTAS SIASATAN DITUDUH		11,248	10,648	8,568	5,845	36,309
PERINTAH MAJISTRET	RAWATAN & PEMULIHAN DI PUSAT PEMULIHAN	4,790	5,473	4,918	3,460	18,641
	PENGAWASAN	9,670	9,813	23,666	11,549	54,698
DIBEBASKAN DARI PUSAT PEMULIHAN		4,486	4,010	4,466	1,758	14,720

Berdasarkan kepada kemudaran dan perbelanjaan yang besar ditanggung oleh Kerajaan untuk membanteras penyeludupan dadah di samping perbelanjaan untuk memulihkan penagih dadah, pihak PDRM tidak akan berputus asa untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah yang boleh merosakkan nilai bangsa dan generasi muda yang bakal mewarisi negara ini. Pihak PDRM telah menubuhkan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* untuk melumpuhkan kegiatan pengedaran dadah di seluruh negara.